

SINAR HARIAN  
9/10/17  
KNIN.

# Pecipta 17 kumpul 460 penyelidik

RUANG pameran Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa 2017 (Pecipta 17) yang berlangsung di Stadium Tertutup Kompleks Sukan Negeri, Gong Badak menerima kehadiran ramai pengunjung daripada pelbagai peringkat umur dan institusi.

Program ini dianjurkan Kementerian Pengajian Tinggi dengan kerjasama Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA).

Perasmian persidangan ini disempurnakan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh. Hadir sama, Naib Canselor UMT, Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar dan Naib Canselor UniSZA, Prof Datuk Dr Ahmad Zubaidi Abdul Latif.

Seramai 460 penyelidik dan 441 syarikat terlibat dalam pameran ini bagi merebut juara dalam hasil ciptaan berinovasi. Pertandingan bermula kelmarin hingga hari ini.



**1** Orang ramai mengunjungi ruang pameran yang mempamerkan pelbagai produk.

**5** Nor Aieni (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Idris (empat kanan).

**2** Pengunjung mengambil kesempatan untuk bertanyakan produk yang dipamerkan.

**6** Peserta pameran memberi penerangan kepada pengunjung mengenai produk dipamerkan.

**3** Pengunjung merakam gambar pelbagai produk berteknologi tinggi yang dipamerkan.

**7** Pengunjung bertanyakan kepada peserta pameran mengenai produk dihasilkan mereka.

**4** Pengunjung terdiri daripada pelajar turut mengambil peluang mengunjungi pameran yang bermanfaat.

**8** Pameran bermaklumat ini memberi peluang kepada pengunjung yang berminat untuk mendapatkan maklumat lanjut.

